

15/17/2022 07

	<p>KENYATAAN / SIARAN AKHBAR Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</p>
-----------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

ULANG TAHUN KE 25 PERBADANAN PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 5 MAC 2021- Perbadanan Putrajaya meraikan ulang tahun ke 25 penubuhannya sejak ditubuhkan pada 1 Mac 1996.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg Datuk Muhammad Azmi Bin Mohd Zain memotong reben sebagai simbolik pelancaran ulang tahun ke 25 Penubuhan Perbadanan Putrajaya dan disaksikan bersama pengurusan tertinggi PPj bertempat di Padang Kompleks Perbadanan Putrajaya Presint 3.

Berpaksikan di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995, PPj memainkan peranannya sebagai pihak berkuasa tempatan dalam merancang, membangun, mengurus dan mentadbir Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. PPj memulakan operasinya di rumah Persekutuan 1 Mac 1996 dengan jumlah pegawai seramai 13 orang. Kemudiannya berpindah ke pejabat tapak (*site office*) Pintu 1 di Presint 14 pada tahun 1997 semasa projek pembangunan Putrajaya dimulakan. Perpindahan seterusnya ke Kompleks Perbadanan Putrajaya di Presint 3 pada tahun 2004. Sehingga kini warga Perbadanan Putrajaya 958 orang.

Sepanjang 25 tahun sejak penubuhannya, PPj telah mengharungi pelbagai cabaran daripada pelbagai aspek pembangunan, perbandaran serta sosio ekonomi. Pada masa yang sama meraih pelbagai pencapaian peringkat tempatan dan antarabangsa antaranya Asean Clean Tourist City 2018-2020 dan 2020-2022, Anugerah AIM – Future City Awards kategori Future Government Award bagi Sistem Pemantauan OSC 3.0, Anugerah Bandar Mampan 2020, Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah Sempena Hari Landskap Negara 2019, pengiktirafan UNESCO's Ecohydrological Demonstration Site dan sebagainya.

PPj juga sedang merencanakan serta memuktamadkan Pelan Strategik Putrajaya yang keempat bermula dari tahun 2021 – 2025.

Keterangan lanjut berhubung Majlis Pelancaran Ulang Tahun ke-25 Perbadanan Putrajaya, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil ditalian 03-88877347 / 019-3354346 dan Encik Mohamad Fitri Bin Norsalim ditalian 03-88877258 / 011-10688347

TENGKU AINA BINTI YTM TENGKU ISMAIL SHAH

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: ~~05~~ Mac 2021